

04/11/2002

Kewarganegaraan tidak diberi sewenang-wenang

PENAMPANG, Ahad - Kerajaan tidak akan memberikan taraf kewarganegaraan sewenang-wenangnya atau secara automatik walaupun pemohon sudah lama tinggal di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata proses pemberian kewarganegaraan perlu melalui pelbagai peringkat tapisan dan pertimbangan pihak berkuasa.

"Kita tidak bercakap soal keutamaan...mereka yang duduk (di negara ini) lebih 15 tahun, kita boleh pertimbangkan untuk mendapat status Pemastautin Tetap (PR) dan selepas mendapat PR, seseorang boleh memohon dan kita boleh pertimbangkan untuk diberi kewarganegaraan.

"Kewarganegaraan tidak akan diberi secara automatik kepada sesiapa," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Kongres ke-17 Parti Bersatu Sabah (PBS) di sini hari ini.

Beliau ditanya mengenai dakwaan sesetengah pihak kononnya rakyat Filipina yang tinggal lebih 30 tahun di Sabah diberikan taraf kewarganegaraan.

Mengenai kenyataan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang mengesan cubaan menggunakan dokumen palsu ketika pilihan raya kecil Parlimen Gaya baru-baru ini, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berharap perkara sedemikian tidak berulang pada masa depan.

Katanya, Barisan Nasional (BN) sedang membuat kajian terperinci daftar pemilih di seluruh negara dan berharap masalah sedemikian dapat ditangani.

"Menerusi semakan ini, kita harap mana-mana yang menimbulkan keraguan dapat kita hapuskan dan tangani supaya integriti daftar pemilih dapat dipelihara.

Abdullah juga berkata, sektor pertanian di Sabah dan Sarawak akan dibangunkan secara komersial dengan syarikat besar digalakkan mengambil bahagian secara aktif kerana dua negeri berkenaan mempunyai tanah luas yang berpotensi untuk dimaju dan dipermodenkan.

Beliau berkata, peruntukan akan diberi berdasarkan keperluan dan memerlukan pembabitan syarikat besar untuk menjayakan agenda itu.

"Syarikat besar perlu digalak mengambil bahagian sebagaimana kita lihat kejayaan sektor tanaman getah dan kelapa sawit hasil sokongan syarikat besar tanpa mengetepikan pekebun kecil," katanya.

Abdullah berkata, banyak bidang pertanian berpotensi boleh dimajukan di Sabah, Sarawak dan beberapa negeri di Semenanjung, seperti tanaman herba dan buah-buahan.

Terdahulu, dalam ucapannya Abdullah berkata, mesyuarat Jemaah Menteri baru-baru ini bersetuju memberi tumpuan kepada pembangunan sektor pertanian di kedua-dua negeri itu.

Malah, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri menyebutkan Sabah sebagai negeri berpotensi bagi memajukan sektor pertanian, kerana mempunyai banyak sumber semula jadi, selain memiliki kawasan tanah yang luas.

"Sehubungan itu, kerajaan perlu mengambil langkah awal bagi merealisasikan, termasuk mengenal pasti bidang tertentu yang berpotensi diusahakan," katanya.

Abdullah berkata, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Luar Bandar menggariskan beberapa langkah serta program untuk dilaksanakan dan berharap Sabah sama-sama menjayakannya.

"Kerajaan mahu pelaksanaannya mencapai matlamat 100 peratus agar rakyat, terutama di luar bandar dapat menikmati kehidupan yang lebih baik,"

katanya.